

Media Title : Berita Harian  
Headline : Rugi RM1.4j diperdaya scammer  
Date : 12 December 2023  
Section : Nasional  
Page : 21



# Rugi RM1.4j diperdaya scammer

**Johor Bahru:** Seorang wanita kerugian RM1.4 juta selepas terpedaya dengan taktik scammer yang menyamar sebagai anggota polis, Sabtu lalu

Pemangku Ketua Polis Johor, Deputi Komisioner M Kumar, berkata pihaknya menerima laporan daripada mangsa berusia 45 tahun yang juga ahli perniagaan.

Katanya, mangsa mendakwa menerima panggilan telefon daripada individu yang mengaku daripada syarikat penghantaran.

“Suspek mendakwa mangsa memiliki bungkusan mengandungi barang terlarang, sebelum menyambungkan panggilan kepada dua individu yang memperkenalkan diri pegawai polis dan memaklumkan waran tangkap dikeluarkan atas nama wanita itu.

“Suspek menawarkan untuk membantu mangsa dengan syarat mengikut arahan diberikan.

“Wanita itu yang bimbang ditangkap memasukkan wang ke beberapa akaun bank diarah suspek berjumlah RM1.4 juta sebelum menyedari ditipu,” katanya dalam kenyataan media, semalam.